

**PERJANJIAN OSLO: KAJIAN TERHADAP PROSES DAMAI KONFLIK
ARAB-ISRAEL**
(Oslo Accord: A Study on Peace Process of Arab-Israel Conflict)

Oleh:
Mohd Roslan Mohd Nor*
Siti Zaleha Hamzah**

Abstrak

Perjanjian Oslo adalah salah satu daripada proses damai yang penting antara Israel dan Palestin bertujuan untuk menyelesaikan konflik yang berlaku. Walaupun perjanjian ini boleh dilihat sebagai proses berterusan tetapi konflik tersebut masih kekal sebagai isu yang paling mencabar di Timur Tengah. Artikel ini memaparkan identiti konflik dan kajian literatur yang berkaitan dengan the Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements (DOP) dan proses memuktamadkan Perjanjian Oslo. Perbincangan di antara dua pihak melibatkan antara lain mengiktiraf hak, sempadan, perumahan dan lain-lain. Terdapat perspektif yang berbeza dan pandangan-pandangan mengenai perjanjian ini. Justeru, artikel ini menganalisis Perjanjian Oslo termasuk Oslo I dan II yang di tandatangani pada 1993 dan 1995 untuk mewujudkan keamanan di Timur Tengah.

Kata kunci: *Perjanjian Oslo, proses damai, konflik Timur Tengah, Arab-Israel, Palestin*

Abstract

Oslo Accord is an important peace process between Israel and Palestine in order to resolve the conflict between these two parties. Even though this agreement can be seen as an ongoing process but the conflicts still remain as the most challenging issues in Middle East. This article explores the conflict identity based on literature review related to the Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements (DOP) and the finalising of Oslo Accord process. There are different perspectives and views regarding to these literatures. Therefore this article analyses Oslo Accord including Oslo I and II which are signed 1993 and 1995 to ignite the Middle East peace process.

Keyword: *Oslo Accord, peace process, Middle East conflict, Arab-Israel, Palestine*

Pendahuluan

Perjanjian Oslo merupakan satu proses perdamaian yang merangkumi hubungan diplomatik dan politik bagi mengharmonikan hubungan Arab-Israel yang berkaitan dengan Palestin. Proses ini melibatkan tujuh perjanjian berlainan dalam pelbagai persidangan ekonomi dan politik antarabangsa yang tertumpu sekitar “penyelesaian” konflik Israel-Palestin untuk memenuhi tuntutan kedua belah pihak melalui rundingan damai atau *soft diplomacy*. Bagi memastikan perjanjian yang ditandatangani mencapai kejayaan, ‘Pelan Damai’ ini telah ditaja oleh Amerika Syarikat sebagai ‘orang tengah’ antara Israel dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) mewakili Palestin, dan di sokong oleh Kesatuan Eropah (EU), Rusia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di samping Liga Arab yang turut terlibat dalam proses damai Arab-Israel. Perkara tersebut dilihat sebagai satu usaha untuk menghasilkan pelan damai yang komprehensif bagi memastikan kelangsungan proses damai antara Arab-Israel.

* Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, merupakan Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) & pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: m_roslan@um.edu.my.

** Siti Zaleha Hamzah merupakan mantan pensyarah CITU, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, Kampus Alor Gajah, Km 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia. Email: misleha_hamzah@hotmail.com.

Tanggal 13 September 1993, merupakan tarikh penting dalam sejarah Timur Tengah. Susulan daripada beberapa persidangan dan rundingan antara Israel dan Palestin, kedua pihak telah mencapai satu kesepakatan atas sokongan Amerika Syarikat untuk mempersetujui sebuah pelan damai yang dikenali sebagai perjanjian Oslo. Perjanjian tersebut merupakan perjanjian yang berbeza dengan rundingan-rundingan sebelum ini, berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh kedua belah pihak antara wakil Israel dan wakil politik PLO untuk mengadakan perjumpaan bersemuka yang dicatatkan sebagai peristiwa bersejarah disepanjang konflik Arab-Israel. Perjanjian ini membawa kepada pertemuan kali pertama secara bersemuka “*face to face*” sekaligus memberi implikasi yang cukup besar kepada kedua belah pihak, ini kerana perjanjian Oslo menjadi satu kerangka bagi menjamin hubungan masa hadapan antara Israel dan Palestin berkaitan status akhir, penyelesaian, pelarian, penempatan, air, hubungan negara jiran dan paling penting hak kembali rakyat Palestin serta kedudukan Baitul Maqdis sebagai tempat suci dalam tiga agama Islam, Kristian dan Yahudi.

Walaupun sebelum ini sejarah mencatatkan rundingan atau jalan damai antara Israel dan Palestin tidak pernah membuahkan hasil. Maka, penelitian perlu dilakukan terhadap keseluruhan proses damai Oslo disebabkan harapan yang terlalu tinggi diletakkan ke atas perjanjian itu. Akhirnya ia mendatangkan kekecewaan dalam kalangan rakyat Palestin dan seluruh pihak yang terlibat.

Oleh itu, makalah ini memaparkan ulasan terhadap perjanjian Oslo. Ada yang mendakwa perjanjian ini adalah sebuah perjanjian yang gagal dan tidak kurang juga mengatakan bahawa perjanjian ini merupakan sebuah kejayaan besar yang diperolehi Israel kerana berjaya mengubah pendirian Palestin mengakui kewujudan Israel. Walaupun begitu, sejarah Timur Tengah membuktikan bahawa perjanjian ini tidak mampu mencapai sebarang penyelesaian berkaitan masalah di Palestin terutamanya berkaitan status akhir yang merangkumi kedudukan Baitul Maqdis, pelarian, dan beberapa yang tidak pernah disebut dalam rundingan damai sebelum ini. Oleh demikian penelitian - dibuat berdasarkan kepada latar belakang proses damai Oslo dan kajian-kajian sebelum ini, berkenaan dakwaan mereka terhadap perjanjian Oslo.

Latar Belakang Sejarah Proses Damai Oslo.

Mengimbau sejarah penubuhan negara Israel pada 14 Mei 1948 yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri Israel pertama-David Ben Gurion menyebabkan berlakunya perubahan politik dan ketidakseimbangan kuasa. Hasil daripada peperangan Arab-Israel yang pertama 1948, membawa kejayaan besar kepada Israel manakala menjadi satu malapetaka kepada rakyat Palestin yang dikenali sebagai *al-Nakba*. Kekalahan tentera Arab dalam perang tersebut menyebabkan Israel berjaya menguasai wilayah Palestin dengan menghalau beratus-ratus rakyat Palestin dan kemudian kewujudan Negara Israel disahkan melalui perjanjian Rhodes Armistice 1949.

Rampasan kuasa yang berselindung disebalik rundingan diplomatik dapat dilihat sejak PBB menerima cadangan *The United Nations Special Committee on Palestine* (UNSCOP) berkaitan pembahagian wilayah dan meluluskan resolusi 181 yang mana sebanyak 55 % wilayah Palestin diserahkan kepada pendatang haram Yahudi. Perkara tersebut bertambah sulit apabila pada 11 Mei 1949, Israel telah mengangotai PBB.¹ Ini menunjukkan penubuhan Negara Israel telah disokong kuat oleh PBB. Ia boleh dirujuk kepada resolusi 181 (II) dan 194 (III).²

¹ United Nations (1990), *The United Nations and The Question of Palestine*, New York: United Nations Department of Information, h. 8.

² *Ibid.*, h. 10.

Kemudian, penguasaan wilayah di bumi Palestin menjadi semakin rancak kesan daripada peperangan tahun 1967. Peperangan ini memberi implikasi besar di seluruh kawasan Timur Tengah secara umum dan Palestin khususnya. Berikutan peristiwa Israel menyerang Mesir, Jordan dan Syria membawa kepada kejayaan Israel merebut Sinai, Semenanjung Gaza, dataran tinggi Golan (Syria), Tebing Barat dan Jerussalem dalam peperangan *Six Day Wars*.³

Renteran daripada peperangan tersebut muncul resolusi keselamatan 242⁴ PBB sebagai usaha bagi mencapai keamanan dan keselamatan. Resolusi keselamatan no 242 (1967)⁵ dan resolusi no 338 (1973) tidak membenarkan Israel menduduki tanah di Palestin secara peperangan dan mengarahkan supaya menarik balik pasukan tentera mereka. Dalam resolusi tersebut juga menekankan dan memberi jaminan kebebasan lalu lintas di perairan antarabangsa kawasan Timur Tengah. Resolusi keselamatan 242 menjadi asas dan digunapakai dalam beberapa rundingan damai termasuk perjanjian Oslo. Walaubagaimanapun Israel sering mencabuli resolusi yang dikemukakan mengakibatkan proses dua hala yang berlaku seolah-olah amat sukar untuk mencari penyelesaian bahkan bertambah rumit.

Selepas mengundurkan tentera Israel dari Lubnan, Ehud Barak (pernah menjadi Perdana Menteri Israel 1999 – 2001) memberi tawaran yang mempunyai dua pilihan untuk berunding dengan Palestin, tetapi tawaran yang diberikan bukan satu pilihan yang realistik. Pilihan tersebut antara lain menyatakan bahawa, sama ada mereka menerima “garis merah” pemimpin itu, terutamanya berkaitan wilayah yang diduduki, melepaskan hak untuk pulang bagi 3.7 juta pelarian Palestin dan menyerahkan simbol agama dan negara mereka (Baitul Maqdis) atau mereka kekal di bawah pendudukan Israel. Konflik menjadi semakin teruk apabila rakyat Palestin memberi reaksi kepada andaian Ehud Barak yang mengatakan beliau mampu mengakhiri konflik ini melalui tawaran yang yang diberikan tersebut.⁶

³ “*Six Day War*” adalah perang Arab-Israel yang berlaku pada tahun 1967, merupakan peristiwa amat penting dalam sejarah konflik Arab-Israel sejak tahun 1947. Peperangan tersebut telah meninggalkan kesan yang kekal sehingga kini khususnya penaklukan Israel ke atas wilayah-wilayah Arab seperti Bukit Golan, Tebing Barat, Sinai, Baitul Maqdis Timur dan Semenanjung Gaza. Ia merupakan peperangan ketiga di antara Arab-Israel. Israel telah melancarkan satu operasi ketenteraan besar ke atas Republik Arab Bersatu (Mesir), Jordan dan Syria secara serentak. Peperangan bermula pada 5 Jun dan berakhir pada 10 Jun 1967, sebelum Israel dan negara Arab bersetuju untuk melaksanakan gencatan senjata berdasarkan resolusi keselamatan PBB 233, 234 dan 235. Dalam tempoh enam hari tersebut Israel berjaya menewaskan tiga Negara Arab yang turut dibantu oleh Arab Saudi, Iraq, Algeria, Tunisia, Sudan, Somalia, Maghribi, Mauritania, Yemen, Kuwait, Emirat Arab Bersatu, Oman dan Qatar yang membekalkan tentera dan kelengkapan. Mesir menerima pukulan amat dahsyat di mana lebih 10,000 tenteranya terkorban. Angkatan udara Mesir musnah sama sekali apabila kira-kira 300 jet pejuangnya dimusnahkan di pengkalan di atas landasan. Hasil daripada peperangan ini telah mempengaruhi geopolitik kawasan Timur Tengah hingga hari ini. Perang ini juga menyaksikan masalah pelarian Palestin kian meruncing khususnya dengan pertambahan pelarian yang mendadak dari Tebing Barat. Lihat Muhamad Hasrul Zakariah (2005), *Dasar dan Reaksi British dalam Perang Arab-Israel 1967*, (Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi), h. 370-470, R.S. Churchill (1967), *The Six Day War*, Boston: Houghto Mifflin, h. 234. Menurut pandangan Israel pula, peperangan ini berlaku berpunca daripada masalah sepadan, konflik antara masyarakat dan serangan penganas. Lihat Abdul Rahman (2002), *Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Wilayah: Kajian Tentang Perang Arab-Israel Tahun 1967*, (Disertasi Master, Univesiti Malalya. Kuala Lumpur), h. 74.

⁴ United Nations (1990), *op.cit.*, h. 12. Selepas *Six Day War*, Majlis Keselamatan PBB menggunapakai Resolusi 242 yang mencadangkan sebagai suatu penyelesaian damai konflik Arab-Israel. Resolusi tersebut diterima oleh Israel, Jordan, dan Mesir, tetapi ditolak oleh Syria sampai 1972-1973.

⁵ Ringkasan isi utama dalam resolusi 242, pada 22 November 1967 adalah memberi fokus kepada mengisytiharkan keamanan yang abadi di Timur Tengah, dalam resolusi ini juga meminta Israel berundur daripada wilayah yang diduduki selepas perang enam hari dan meminta Israel dan Palestin saling mengiktiraf kedaulatan, wilayah dan kebebasan politik kedua-dua negara dan mereka hidup dalam keadaan aman dan selamat dengan mengakui sepadan masing-masing. Lihat Ziva Flamhaft (1996), *Israel on The Road to Peace: Accepting The Unacceptable*. Boulder, Colo: Westview Press, h. 225.

⁶ Marwan Bishara (2007), *Palestine/Israel: Keamanan Atau Apartheid: Pendudukan, Keganasan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Pts Publication., h. 65.

Maka, sudah tentu rakyat Palestin memilih alternatif ketiga iaitu melakukan pemberontakan. Pemberontakan bertujuan memberi mesej yang jelas kepada Ehud Barak dan sebagai peringatan kepada Yaser Arafat,⁷ bahawa mereka tidak akan lagi menerima sekatan ke atas kebebasan, ancaman ke atas simbol agama dan negara atau mengadaikan masa depan mereka dalam proses damai yang tidak menentu.

Intifadah pertama Pada 8 Disember 1987, mencerminkan pendirian rakyat Palestin sebagai manifestasi ketidakpuasan hati terhadap perlakuan Israel terhadap rakyat Palestin selama ini, ia disemarakkan lagi melalui peristiwa kemalangan kereta yang sengaja dirancang oleh Zionis mengakibatkan kematian 4 pekerja Palestin. Berita ini tersebar dengan cepatnya dan mencetuskan kebangkitan Intifadah pertama (1987-1993) yang benar-benar menggugat kedudukan pihak Israel di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Intifadah memberi kejutan besar, apabila golongan muda mulai menentang tentera-tentera Israel secara ekstrim dengan membaling batu, melemparkan bom buatan sendiri dan memboikot produk Israel. Akibatnya, Israel menerima tamparan hebat dari segi politik dan ekonomi. Ia sekaligus mengundang kepada serangan balas tentera Israel dengan menjatuhkan bom ke atas Semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Sehubungan perkara tersebut, satu plan damai dibentuk untuk membawa Israel dan Palestin ke meja rundingan damai yang dikenali sebagai perjanjian Oslo 1993.

Proses perdamaian tersebut dilakukan secara serius atas alasan untuk menjamin keutuhan pimpinan Israel di Palestin atas desakan pihak ketiga iaitu Amerika Syarikat. Amerika Syarikat selaku pembela dan pendukung utama Rezim Zionis Israel⁸, berusaha melobi negara-negara Arab agar bersedia berunding dengan Israel. Bagi Amerika Syarikat, perdamaian Arab dan Israel mampu merungkai masalah di Timur Tengah. Dengan wujudnya perdamaian dan kesediaan negara-negara Arab untuk hidup berdampingan secara damai dengan orang-orang Yahudi.

Rundingan damai bermula setelah berakhir perang dingin “*Cold War*” di mana ketika itu Amerika Syarikat mengambil alih serta mengetuai Hal Ehwal Antarabangsa dan selepas kejatuhan Soviet Union, *Francis Fukuyama* telah menulis sebuah rencana bertajuk “*The End of History*”. Beliau berharap selepas tamatnya peperangan dingin akan bermula sebuah undang-undang antarabangsa yang baru. Presiden George H. W. Bush pula, berucap dalam satu ucapan pada 11 September 1990, mengatakan bahawa satu peluang yang jarang diperolehi “*rare opportunity*” menuju kepada “Perintah dunia baru” di mana negara-negara di dunia, Timur dan Barat, Utara dan Selatan, boleh maju dan hidup dalam keadaan harmoni”.⁹ Tambahan lagi, Bush pernah menyatakan akan lahir perdamaian dari perang Teluk 1 yang berakhir 1991.

⁷ Yaser Arafat nama penuhnya Mohammed Abdel-Raouf Arafat As Qudwa al-Hussaeini merupakan pengerusi PLO, Presiden PNA dan ketua bagi parti politik Fatah sejak tahun 1959. Lihat Aburish, Said K.(1998), *From Defender to Dictator*, New York: Bloomsbury Publishing., h. 33–67.

⁸ Hubungan dua hala Amerika dan Israel telah berkembang dari polisi bersimpati dengan nasib Yahudi kepada sokongan untuk penubuhan satu negara Yahudi pada tahun 1948. Hubungan dua hala Israel dan Amerika berdiri atas dasar saling memerlukan. Israel walaupun kecil tetapi kuat dari segi ketenteraan, walaubagaimanapun Israel bergantung dengan Amerika Syarikat untuk kekuatan ekonomi dan ketenteraannya dan begitu sebaliknya. Pada masa yang sama kuasa besar seperti Amerika Syarikat dapat mengimbangi kepentingannya di rantau Timur Tengah. Beberapa pendapat lain mengatakan bahawa pengaruh politik dan intelektual dalam sistem ekonomi dan politik masyarakat Yahudi Amerika di Amerika Syarikat menjadi faktor penyumbang kepada Amerika Syarikat mengekalkan polisi terhadap Israel. Lihat, Sven Behrendt (2007), *The Secret Israeli-Palestinian Negotiations in Oslo: The Success and Why the Process Ultimately Failed*, New York: Routledge, h. 11.

⁹ Avi Shlaim (1994), *The Oslo Accord. Journal of Palestine Studies*, Vol. 23, No. 3. (Spring, 1994), h. 24-40. <http://www.Jstor,Org/Stable/2537958/02.03.2011>.

Oleh itu, termenterai perjanjian Oslo pada 13 September 1993 menggambarkan usaha Amerika Syarikat yang kelihatan murni bagi memandu dunia ke arah perdamaian melalui penyelesaian konflik Palestin. Plan damai tersebut mampu merubah pendirian Israel dan Palestin. Israel mengakui Yasser Arafat sebagai wakil rasmi PLO. Manakala Palestin mempersetujui dan mengiktraf kewujudan Negara Israel. Walaupun pada hakikatnya, Palestin mempunyai pendirian yang begitu jelas berhubung perkara tersebut sebelum ini. Buktinya, pada 29 Disember 1988, Ahli jawatan kuasa eksekutif PLO mengulangi polisi mereka untuk menghancurkan Zionis dan pada tahun 1989 Arafat mewakili *Fatah* secara jelas mengatakan tidak akan menerima resolusi 242, tidak akan menerima kewujudan Israel di sisi Palestin dan tidak akan terima sebarang rundingan perdamaian.¹⁰ Justeru, jelas menunjukkan bahawa Palestin begitu tegas menafikan kewujudan Negara haram tersebut.

Namun begitu, atas sebab dan tipu muslihat yang dimainkan oleh pihak Amerika Syarikat untuk menjaga kepentingan Israel, Palestin dan Israel bersetuju mengikat janji perdamaian. Namun begitu perkara yang diusulkan dalam perjanjian tersebut nyata dan kelihatan berat sebelah kepada pihak Israel. Hal ini jelas menunjukkan pihak Amerika Syarikat dan Israel mempunyai agenda tersendiri dalam mewujudkan perdamaian Palestin-Israel yang belum pernah menunjukkan hasil yang signifikan.

Proses Rundingan Tahun 1991-1993

Setelah runtuhnya komunisme dan radikalisme serta kekalahan Arab dalam Perang Teluk pada 1991, maka timbul usaha baru untuk menyelesaikan pertikaian Arab-Israel melalui perdamaian dan perkongsian hak. Oleh demikian, tempoh masa 1991-1993 harus diberi penekanan berikutan tempoh perbincangan yang pendek dalam membincangkan rundingan damai yang rumit. Proses ini bermula seawal persidangan Madrid pada bulan Oktober 1991 lagi, menuju kepada pengisytiharan Perjanjian Oslo (DOP).

Rundingan tersebut dijalankan secara rahsia dan tidak diketahui oleh pihak lain kecuali beberapa pihak yang terlibat dalam rundingan Oslo ini. Indikasi dan kecurigaan memang dirasakan oleh pemerintah tinggi yang lain seperti pertanyaan yang diajukan oleh wakil khusus Amerika Syarikat, Denis Ross kepada Hanan Ashrawi mengenai pertemuan rahsia yang berlangsung antara Israel dan Palestin, namun Hanan Ashrawi tidak mengetahui tentang masalah tersebut dan tidak memberi sebarang jawapan.

Ketika Hanan Ashrawi memberi laporan kepada Yaser Arafat tentang projek Gaza-Jerico di Tunis, dengan senyum yang berbeza Yaser Arafat memberitahu berita baik kepada Hanan Ashrawi bahawa Israel akan berundur terus dari Gaza dan Jerico dan Palestin akan menegakkan kedaulatan sendiri. Meskipun demikian, Yaser Arafat tetap belum memberitahu kepada Hanan Ashrawi bahawa sebenarnya sedang terjadi sebuah perundingan antara Israel dan Palestin di Oslo, Norway.

Dilaporkan bahawa pemerintahan Israel dan wakil Palestin (Yasser Arafat), sepakat bahawa sudah tiba waktunya mengakhiri masalah dan konflik. Saling mengakui kewujudan dan hak politik masing-masing. Disamping berjuang untuk hidup dalam satu kondisi damai menjaga kehormatan dan keamanan bersama bagi mencapai suatu penyelesaian damai yang komprehensif melalui satu proses politik yang disepakati.

Dalam tempoh tersebut juga, selain membincangkan soal pengiktirafan, perbincangan lebih tertumpu kepada pembinaan kerajaan Palestin yang bebas iaitu pemindahan kuasa PLO kepada PNA (*Palestine*

¹⁰ Kim Fantaine Skronski (2001), *The Making Peace: The Role of Leaders in The Implementation of Peace Agreement*, (Disertasi Master: McGill University Montreal), h. 71.

Nasional Authority) dan sempadan negara Israel. Walaubagaimanapun, dari sudut yang lain boleh juga dikatakan bahawa rundingan Oslo ini adalah usaha untuk menubuhkan dua negara dalam satu wilayah melalui “*Two State Solution*” dalam menyelesaikan konflik Israel-Palestin. Walaupun pada hakikatnya, rundingan secara rahsia ini tidak begitu dipersetujui oleh PLO. Pihak PLO sendiri mahukan satu pilihan atau cara penyelesaian yang lain selain mempersetujui perjanjian yang tidak mempunyai penyelesaian yang jelas dan menggadaikan tanah Palestin. Namun begitu atas jaminan yang diberikan oleh Israel (Rabin) kepada PLO (Arafat) dalam pertemuan tersebut, maka pihak PLO terpaksa mempersetujui rundingan Oslo.

Perkara tersebut boleh dirujuk pada plan damai bertarikh 1 September 1992 iaitu “*Draft Proposal: Framework Agreement on Arrangement for Palestinian interim self-government*”. Dalam persidangan tersebut telah menyebut tentang rangka kerja bagi persediaan pemerintahan sendiri oleh Palestin. Mengandungi sepuluh pasal dan tuntutan, antaranya berkaitan konsep perjanjian, kedudukan Baitul Maqdis, pengunduran tentera Israel, kekuasaan, keselamatan, matlamat resolusi dan jangka masa bagi perjanjian tersebut.

Sejak 20 Januari 1993, rundingan secara serius telah dijalankan selama lima bulan,¹¹ untuk mencapai persetujuan bagi merangka draf terakhir Plan Damai, “*Declaration of Principles On Interim Self-Government Arrangements*”. Perbincangan yang bertujuan merangka hubungan masa hadapan bagi kedua belah pihak tersebut disusuli dengan beberapa memorandum. Antaranya seperti *Faisal Husseini, Memorandum to Sec. Warren Christopher, Jerusalem* pada 3 Februari 1993, *Israeli Delegation, Draft of Agreed Statement of Principles Washington, D.C.* Pada 6 May 1993, *Palestinian Delegation, Draft Proposal for a Declaration of Principles*, berlangsung di Tunis, pada 9 May 1993, *United State of Amerika, Draft of “Israel-Palestinian Joint Statement” Washington, D.C.* pada 12 May 1993, *Palestinian Delegation, “Ten-Point Statement on The Peace Process. Washington, D.C.* pada 28 May 1993, dan *United States of America, draft of “Israel-Palestinian Joint Declaration of Principles” Washington, D.C.,* pada 30 Jun 1993.¹²

Hasil daripada rundingan tersebut maka lahirlah sebuah perjanjian yang berjaya dijadualkan, mengandungi enam helai muka surat, 15 peruntukan (fasal) dan 4 lampiran tambahan-tuntutan yang menyebut tentang kedudukan Jerusalem dan pilihan raya Palestin, ekonomi dan kawasan pembangunan ekonomi.¹³ Oleh kerana perjanjian ini lebih bersifat terbuka, kabur dan tiada kata putus berkenaan dengan status akhir Jerusalem, penempatan, pelarian, dan lain-lain, jadi ia memerlukan kepada beberapa rundingan susulan.

Sehubungan dengan itu, proses damai Oslo disusuli dengan beberapa persetujuan lain di antara Israel dan PNA. Kedua pihak telah menandatangani “*Cairo Agreement on the Gaza Strip and Jericho (Ariha)*”, yang dirujuk sebagai perjanjian Oslo I dan “*Interim Agreement on the West Bank and the Gaza Strip*” dan *Hebron Protocol* di rujuk sebagai perjanjian Oslo II. Justeru perjanjian ini mempunyai dua fasa besar dalam melaksanakan pemindahan kuasa Israel kepada Palestin.

¹¹ Sean F. McMahon (2005), *The Discourse of Palestinian-Israeli Relation and The Oslo Process: Persistent Analytic and Practices*, (Ph.D. Thesis: University of Alberta, Canada), h. 34.

¹² Editor (1994). *The Palestinian-Israel Peace Agreement : A Documentary Record*, Rev. 2nd Ed. Washington, D.C: Institute For Palestine Studies, h. 93-107.

¹³ David Makovsky (1996), *Making Peace with The PLO: The Rabin Government’s Road to The Oslo Accord*, United States: The Washington Institute For Near East Policy, Westview Press.Inc., h. 31.

Melalui draf perjanjian yang dirangkakan, Makovsky¹⁴ melihat dari sudut pandangan pihak Isreal, menyatakan bahawa dalam perjanjian Oslo I terdapat lima elemen yang terkeluar daripada polisi negara Israel. Antaranya Israel bersetuju berundur dari Gaza dan memberi Palestin memerintah di wilayah sendiri, Israel bersetuju berunding berkaitan status Jerusalem tentang hal status akhir, penempatan dan sempadan pada rundingan akan datang,¹⁵ dan Israel bersetuju penduduk Palestin boleh mengundi dalam pilihanraya untuk pemerintahan sendiri. Baitul Maqdis Timur akan menjadi sebahagian dari daerah Palestin. Akhir sekali, satu perkara yang luar biasa apabila persetujuan Israel dalam mempertimbangkan pertikaian antara Israel dan Palestin walaupun pernah gagal dalam rundingan sebelum ini.¹⁶

Daripada kenyataan tersebut menunjukkan kesanggupan Israel untuk mengendalikan perjanjian damai Oslo. Namun begitu bagi masyarakat Palestin, menganggap bahawa ia merupakan sebuah agenda terancang pihak Israel untuk menguasai dan memperolehi segala kepentingan mereka di wilayah Palestin melalui perjanjian Oslo seperti mana yang dinyatakan oleh User dalam *Palestine in Crisis* bahawa “*it is not a peace treaty but an agenda for negotiations*”.¹⁷ Sedangkan dari pihak Palestin terutamanya Hamas dan gerakan pejuang Islam tidak menyokong sepenuhnya perjanjian Oslo ini dan menolak kewujudan Israel sebagai negara yang sah seperti yang dinyatakan dalam artikel *Peace Now or Hamas Later* oleh Khalil Shikaki.¹⁸

Pengiktirafan dalam Perjanjian Oslo

Seluruh dunia memerhatikan dengan dekat apabila kesanggupan kedua pihak Israel dan Palestin bertemu, saling berjabat tangan dan pengiktirafan yang diberikan wakil pihak Palestin kepada Israel sebagai sebuah negara. Sedangkan sebelum ini, Palestin menafikan sekeras-kerasnya kewujudan Israel. Manakala, Israel tidak berganjak dengan pendirian mereka, tidak akan menyerahkan tanah yang telah diambil pada perang *Six Day War* kepada Palestin.

Oleh demikian, hak pengiktirafan merupakan perkara pokok yang dibincang antara Palestin dan Israel pada awal perjanjian Oslo. Rundingan damai ini telah berlaku seawal 20 Januari 1993 sebagai siri pertemuan di antara dua wakil Israel dan tiga wakil dari PLO, termasuklah Ahmed Qurei (Abu Ala) di Oslo, Norway pada penggal pertama. Selepas 5 bulan Israel memasukkan Uri Savir dari Kementerian Luar Negara dan Yoel Singer sebagai wakil dari Israel. Perjumpaan ini bertujuan melakukan penukaran surat di antara pengerusi PLO iaitu Yasser Arafat sebagai wakil Palestin dan Perdana menteri Israel Yitzhak Rabin sebagai wakil Israel. Surat berkenaan bertajuk “*Letter Exchanged between PLO Chairman Arafat, Israeli Prime Minister Rabin, and Norwegian Foreign Minister Holst, Tunis and Jerusalem.*” Arafat sebagai pengerusi PLO telah menandatangani surat saling mengiktiraf pada 9 September 1993

¹⁴ Mokavsky David adalah ahli senior dan pengarah Projek Institut Washington pada Proses Perdamaian Timur Tengah. Dia juga merupakan pensyarah tambahan dalam kajian Timur Tengah di John Hopkins University Paul H. Nitze School of Advanced International Studies (SAIS). Dia juga seorang wartawan dan pemenang anugerah yang membuat liputan tentang proses keamanan 1989-2000.

¹⁵ David Makovsky (1996), *op.cit.*, h. 32., Nabil Shaath, (1993), The Oslo Agreement: An Interview with Nabil Shaath. *Journal of Palestine Studies*, Vol. 23, No. 1 (Autumn, 1993), h. 5-13. Institute for Palestine Studies. University of California Press. <http://www.jstor.org/stable/2537854>. 02/03/20011.

¹⁶ David Makovsky (1996), *op. cit.*, h. 31-33.

¹⁷ Sean F. McMahon (2005), *op.cit.*, h. 76.

¹⁸ Khalil Shikaki (1998), Peace Now or Hamas Later, *Foreign Affairs*, Vol. 77, No. 4 (Jul-Aug), h. 29-43.

disamping sebelum ini beliau sebagai Presiden PLO pernah menandatangani surat pada tahun 1988 berkaitan “*Declaration of Palestinian Independence*”.¹⁹

*The PLO recognized the right of the state of Israel to exist in peace and security. The PLO Accepts United Nations Security Council Resolutions 242 and 338. The PLO commits itself to the Middle East Peace Process and to a peaceful resolution on the outstanding issue relating to permanent status will be resolved through negotiation.*²⁰

Surat tersebut menerangkan PLO mengiktiraf hak dan kewujudan negara Israel untuk hidup bersama dalam keadaan damai, bebas dari kekerasan dan semua tindakan yang boleh mendatangkan bahaya kepada keamanan dan kestabilan. Di samping menerima Resolusi 242 dan 338 Majlis Keselamatan PBB. Dalam kenyataan lain dalam surat Arafat kepada Rabin menyatakan hasrat PLO bertekad untuk mengadakan proses perdamaian di Timur Tengah, dan mengadakan rundingan damai terhadap konflik yang berlaku antara kedua-dua pihak dan menyatakan bahawa semua isu yang berkaitan dengan status akhir akan diselesaikan melalui perundingan.

Dalam surat itu lagi ada tercatat bahawa PLO menganggap menandatangani perjanjian ini merupakan peristiwa bersejarah di Timur Tengah, menandakan era baru untuk hidup berdampingan secara damai, bebas dari kekerasan dan semua tindakan lain yang membahayakan keamanan dan kestabilan. Di samping itu PLO juga menjamin keselamatan, tiada kekejaman, mematuhi perjanjian dan disiplin, sekaligus bertanggungjawab atas tindakan keganasan oleh Palestin terhadap Israel.²¹

Manakala dalam surat Rabin kepada Arafat, Rabin membalas surat Arafat dalam hanya satu perenggan, mengatakan bahawa:

*In light of the PLO commitments included in your letter the government of Israel has decided to recognize the PLO as the representative of the Palestinian people and commence negotiations with the PLO within the Middle East Peace Process.*²²

Dengan itu, secara rasminya Israel telah bersetuju dan memutuskan untuk mengakui PLO sebagai wakil kepada rakyat Palestin dan perundingan bermula dengan PLO dalam proses perdamaian Timur Tengah.

Rabin dalam sebuah kenyataan pada saat menandatangani surat kepada Arafat bahawa ini adalah perjanjian pertama antara Palestin dan Israel sejak tertubuhnya negara Israel. “*It’s a historic moment*”, katanya, dia berharap perjanjian ini akan membawa kepada tamatnya 100 tahun pertumpahan darah, penderitaan, antara Palestin dan Yahudi, antara Palestin dan Israel.²³

Secara umumnya kerjasama antara kedua belah pihak dalam perjanjian Oslo ini adalah peristiwa “bersejarah” kerana mereka mendamaikan dua pihak utama dalam konflik Arab-Israel. Konflik ini mempunyai dua dimensi, satu adalah konflik antara negara Israel dan negara-negara Arab yang berjiran dengan Palestin, yang lain adalah pertembungan antara hak kenegaraan Yahudi dan Palestin. Perjanjian ini menjadi nadi kepada Israel kerana wakil Palestin untuk lebih terbuka hati menerimanya. Ini

¹⁹Sean F. McMahon (2005), *op.cit.*, h. 128. User, Graham (1995), *Palestine in Crisis: The Struggle for Peace and Political Independence After Oslo*. Transnational Institute Series: London: East Haven, Con: Pluto Press, h. 8.

²⁰ *Ibid.*, h. 128.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*, h. 129.

²³ Avi Shlaim (1994), *op.cit.*, h. 25.

disebabkan dakwaan orang Israel mengatakan bahawa perjanjian yang direncanakan sebelum ini sering ditolak oleh orang Palestin.²⁴

Perjanjian Oslo menganugerahkan Yaseer Arafat hadiah Noble kerana keamanan yang ingin dikongsi bersama Shimon Peres dan Yitzhak Rabin. Tolak ansur beliau untuk “*recognized the right of the state of to exist*” iaitu pengiktirafan terhadap kewujudan Negara Israel.

Oslo I (1993-1995): Persediaan Pemerintahan Sendiri

Perjanjian Oslo I telah ditandatangani di Washington D.C di hadapan Presiden Amerika Syarikat yang bertindak sebagai orang tengah dan pengerusi majlis. Perjanjian ini secara rasmi dirujuk sebagai *Declaration of Principles On Interm Self-Goverment Arrangements* (Deklarasi prinsip-prinsip ke atas persediaan pemerintahan sendiri). Dikenali juga sebagai “Perjanjian Damai Oslo” atau “Kesepakatan Oslo” sempena persetujuan muktamad yang berjaya di capai di Oslo, Norway.

Seperti yang diketahui sebelum ini, Perjanjian Oslo I telah diadakan dalam dua peringkat pertemuan. Pada peringkat pertama, sebelum termeterainya perjanjian tersebut, satu rundingan secara tertutup diadakan bagi mencapai keputusan muktamad, ia berlangsung di Oslo, Norway pada 20 Ogos 1993. Pada peringkat kedua, secara rasmi ditandatangani dalam sebuah majlis umum di Washington D.C pada tarikh 13 September 1993 di hadapan Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasser Arafat, Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin²⁵ dan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton²⁶, perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Mohmoud Abbas²⁷ mewakili PLO²⁸ dan Shimon Peres mewakili Israel. Peristiwa ini disaksikan oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Warren Christopher dan Menteri Luar Negeri, Rusia, Andrei Kozyrev.²⁹

Secara umumnya, Perjanjian tersebut dibina atas dasar pembentukan PNA untuk pemerintahan sendiri atau pembentukan negara Palestin yang merdeka. Palestin akan memiliki tanggungjawab untuk pentadbiran wilayah di bawah kekuasaannya sendiri. Perjanjian Oslo juga menuntut agar Israel mengiktiraf PLO, berundur dari Semenanjung Gaza dan Jericho dan beberapa lagi kawasan tambahan

²⁴ *Ibid*

²⁵ Yitzhak Rabin adalah Perdana Menteri Israel yang ke tiga (1 March 1922–4 November 1995), ketua politik kepada Parti Likud dan dia adalah orang yang bertanggungjawab menandatangani Perjanjian Oslo.

²⁶ Bill Clinton merupakan Perdana Menteri Amerika Syarikat tahun 1993 hingga 2001

²⁷ Mahmoud Abbas merupakan Presiden *Palestinian Authority* (PA).

²⁸ *Palestine Liberation Organization* (PLO) merupakan gabungan parti-parti di Palestin yang diiktiraf oleh Liga Arab sebagai wakil penduduk Palestin. Apabila ditubuhkan pada 1964, PLO berhasrat menghapuskan negara Israel melalui tindakan bersenjata. Piagam PLO pertama menekankan pemusnahan Israel, hak pulang ke Palestin serta kebebasan penduduk Palestin. Namun, PLO masa ini menegaskan penyelesaian konflik Arab-Israel melalui dua negara (*two-state solution*), bermaksud penubuhan negara Palestin bersempadan dengan Israel, dengan syarat-syarat seperti hak penduduk Palestin untuk kembali dan penetapan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin. Idea penubuhan satu pertubuhan mewakili penduduk Palestin dicetuskan dalam persidangan Liga Arab Kaherah pada 1964. PLO ditubuhkan pada 2 Jun 1964. Dalam pemasyhuran pertubuhan menyatakan hasrat memperjuangkan "hak penduduk berbangsa Arab Palestin kembali ke tanah air suci mereka dan mengesahkan keperluan berjuang untuk membebaskan tanah air yang dirampas, keazaman menonjolkan semangat revolusi mereka serta pemobilisasian segala kebolehan, kuasa material, ketenteraan dan rohani. Piagam awal PLO juga menyatakan Dakwaan bahawa wujudnya hubungan sejarah dan rohani antara penduduk Yahudi dan Palestin adalah bercanggah dengan fakta sejarah ataupun asas benar sebuah negara yang kukuh, Orang Yahudi bukanlah masyarakat yang mempunyai keperibadian yang merdeka (maksudnya bukan satu bangsa yang benar) kerana mereka hanya warganegara kepada negara mereka.

²⁹ Sean F. Mchahon (2005), *op.cit.*, h. 34.

yang tidak dikhususkan dalam tempoh lima tahun berjanjian berkenaan. Sebagai pertukaran, PLO akan mengiktiraf Israel dan berjanji akan menghentikan “keganasan”. Status akhir bagi Isu utama dalam konflik Israel-Palestin mengenai Baitul Maqdis, air, sempadan, penempatan, pelarian, dan masa depan entiti Palestin ditangguhkan untuk “rundingan akhir”.³⁰

Antara kandungan penting yang dibincangkan dalam perjanjian Oslo adalah rakyat Palestin akan diberikan pemerintahan autoriti di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat selama lima tahun. Sebelum bermulanya tahun ketiga pemerintahan autonomi, sempadan terakhir akan ditetapkan untuk Semenanjung Gaza dan juga Tebing Barat. Ia akan menjadi sempadan kekal berdasarkan Resolusi Majlis Keselamatan 242 dan 338. Di samping itu, dalam tempoh dua bulan daripada tarikh perjanjian, kedua-dua belah pihak hendaklah bersepakat untuk mengundurkan rejim Zionis daripada Semenanjung Gaza dan Jericho. Selepas sembilan bulan daripada pemerintahan autonomi, satu pilihanraya perlu diadakan bagi memilih kerajaan PA yang berkuasa di wilayah autonomi. Sebelum pilihan raya berlansung, tentera rejim Zionis (IDF) perlu berundur dari kawasan penempatan rakyat Palestin. Kerajaan autonomi Palestin hanya berkuasa di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat sahaja. Namun, mereka tidak boleh mencampuri urusan hubungan luar dan juga tidak boleh membina kekuatan bagi menangkis ancaman dari luar. Mereka juga tidak berkuasa di kawasan penempatan Zionis di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Tambahan lagi, PA juga tidak mempunyai hak ke atas Baitul Maqdis. Rejim Zionis atau kerajaan Israel mempunyai kuasa veto bagi membatalkan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Legislatif PA. Selain itu, perkara yang tidak dapat diselesaikan melalui perjanjian damai, akan diselesaikan melalui rundingan bersama yang lain.³¹

Penyerahan kuasa akan berlaku secara berperingkat seperti yang dimaklumkan dalam perjanjian. PLO dan P.A. tidak lagi dilabel sebagai “pengganas” selagi kuasa mereka hanya bagi menjaga keamanan rakyat Palestin. Mereka juga bertanggungjawab menghalang apa sahaja usaha bersenjata ke atas rejim Zionis daripada mana-mana pihak rakyat Palestin.³²

Secara dasarnya, rangka kerja permindahan kuasa untuk “pemerintahan sendiri” ini akan berlaku dalam dua fasa pelaksanaan. Pada fasa pertama adalah selama 5 tahun peralihan kuasa kepada pemerintahan sendiri oleh Palestin dan pada fasa kedua dijangkakan satu perjanjian kekal. Pada 3 tahun pertama adalah pemerintahan secara sementara dan 2 tahun kemudian adalah berkenaan masalah status kekal Gaza-Jericho.

Perjanjian Cairo: Kesenambungan Dari Perjanjian Oslo

Sebelum menandatangani “*Cairo Agreement on the Gaza Strip and Jericho*”, Berlaku proses tawar-menawar antara Israel dan Palestin sejak musim sejuk tahun 1993-1994 untuk memperolehi kata putus berkenaan cara yang sesuai untuk Israel melaksanakan janji mereka untuk berundur dari Semenanjung Gaza dan Jericho. Akhirnya, pada musim luruh bertarikh 4 April 1994, angkatan pertahanan Israel mula menjalankan proses pemindahan markas mereka di Jericho dan semenanjung Gaza³³.

³⁰ Marwan Bishara (2000), *op.cit.*, h. 67.

³¹ Ziva Flamhaft (1996), *op.cit.*, h. 230.

³² *Ibid.*

³³ Editor (1994), *op.cit.*, h. 161.

Belum genap setahun dari perjanjian Oslo I, Israel dan PLO menandatangani satu lagi protokol hubungan ekonomi³⁴, berhubung isu kuasa ekonomi yang masih dalam bentuk dasar bagi hubungan ekonomi antara dua pihak. Selain itu kerjasama ekonomi ini memperlihatkan bahawa Israel akan memastikan Palestin terus-terusan bergantung kepada ekonomi Israel. Ini bertujuan mengelakkan pembangunan ekonomi Palestin yang akan mendasari pembangunan Negara tersebut.³⁵

Akhirnya, pada 4 Mei 1994, Israel dan Palestin bertemu di Kaherah, Mesir untuk menandatangani “*Cairo Agreement on the Gaza Strip and Jericho*”, yang mana Israel telah menyatakan untuk berundur dari Semenanjung Gaza dan Jericho dalam masa tiga minggu³⁶. Dalam Perjanjian Cairo tersebut membayangkan bahawa penempatan Israel dan pasukan tentera Israel di Semenanjung Gaza akan tetap berada di bawah kuasa Israel. Selanjutnya Israel menekankan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab utama ke atas keselamatan. Di samping itu, mereka sendiri telah mendefinisikan dan meletakkan penduduk Semenanjung Gaza dan Tebing Barat yang tercatat dalam pendaftaran Israel sahaja sebagai penduduk yang sah.³⁷ Signifikan daripada perjanjian Gaza-Jericho, Palestin dapat mendirikan entiti pemerintahan sendiri yang disebut sebagai “*Palestinian Authority*” (PA), Pihak Palestin akan memiliki tanggungjawab untuk pentadbiran wilayah di bawah kekuasaannya dan Israel wajib untuk memindahkan beberapa kuasa awam kepada PA.³⁸

Kemudian Israel menarik pasukan ketenteraannya dari sebahagian besar Semenanjung Gaza dan Jericho, seperti yang disebut dalam perjanjian 4 Mei 1994. Pada 10 Mei 1994 pula polis Palestin memasuki Semenanjung Gaza dari Mesir, dan hari berikutnya mula mengambil tempat untuk markas baru di kota *Dayr al-Balah* dan bahagian-bahagian lain di kawasan bandar Semenanjung Gaza. Kemudian pada 15 Mei 1994, tentera Israel mengisytiharkan pasukan Nombor 4, bagi pelaksanaan perjanjian Semenanjung Gaza-Jericho. Selepas tiga hari pasukan I.D.F. meninggalkan wilayah Palestin dari Semenanjung Gaza, Israel berpindah secara beransur-ansur untuk melaksanakan perjanjian tersebut agar proses peralihan kuasa Palestin tercapai. Namun begitu pengunduran pihak Israel bukanlah secara total kerana masih terdapat tentera Israel yang berkawal dikawasan tersebut.

Seterusnya Israel dan PLO menandatangani “persetujuan ke atas persediaan perpindahan kuasa dan tanggungjawab antara Israel dan PLO³⁹ berkaitan isu pendidikan dan budaya, kesihatan, kesejahteraan sosial, pelancongan, pajakan langsung dan nilai tambah cukai pengeluaran tempatan dari kerajaan tentera Israel untuk PNA pada 29 Ogos 1994.

Israel juga menegaskan bahawa tanggungjawab ke atas Tebing Barat dan Semenanjung Gaza tetap di bawah kekuasaan tentera Israel termasuk isu Baitul Maqdis, penempatan, lokasi tentera Israel dan hubungan luar negeri. Walaupun dalam perjanjian tersebut ada menyebut bahawa PNA dibenarkan untuk menggubal “undang-undang kedua” sendiri asalkan tidak bertentangan dengan Israel. Namun, Israel tetap meletakkan syarat bahawa PNA bertanggungjawab ke atas setiap tindakan mereka terhadap tentera Israel. Perjanjian menggariskan bahawa tentera Israel akan mengawal setiap masalah jenayah di Tebing Barat,

³⁴Geoffrey R. Watson (2000), *The Oslo Accord: Internasional Law And The Israeli–Palestinian Peace Agreements*. New York. Oxford University Press. h. 42.

³⁵Hagopian Elaine .C. (1997), *Is The Peace Process A Process For Peace? A Retrospective Analysis Of Oslo*, h. 11.

³⁶ Artikel II (1) sila rujuk *Cairo Agreement on the Gaza Strip and Jericho*. Lihat <http://www.knesset.gov.il>

³⁷ Sean F. McMahon (2005), *op.cit.*, h. 37.

³⁸ Artikel. III (1), IV, V. sila rujuk *Cairo Agreement on the Gaza Strip and Jericho* lihat <http://www.knesset.gov.il>

³⁹ Geoffrey R. Watson (2000), *op.cit.*, h. 43.

dan menjelaskan bahawa PNA tidak mempunyai kuasa untuk mengambil langkah-langkah penguatkuasaan terhadap Israel.⁴⁰

Seterusnya menyusul satu lagi persetujuan berkaitan persediaan pemindahan kuasa bertarikh 27 Ogos 1995,⁴¹ persetujuan itu menyentuh beberapa bidang termasuk tenaga kerja, perdagangan dan industri, gas dan petroleum, insuran, perkhidmatan pos, pemerintah daerah dan pertanian. Protokol ini menjelaskan bahawa bidang kuasa PNA tidak termasuk masalah berkaitan status kekal. Selain itu, lampiran tambahan ada menyentuh tentang bidang statistik diberi kepada PNA. Bidang kuasa ini sebenarnya bermaksud untuk mengumpul maklumat dan statistik tentang penduduk Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.⁴²

Secara keseluruhan perjanjian ini menghadkan pengunduran Israel daripada Jericho dan lebih kurang 60% wilayah di Semenanjung Gaza. Di samping itu, ia memberi tanggungjawab keselamatan sepenuhnya kepada Israel bagi laluan keluar-masuk di kawasan sempadan yang dikosongkan. Perjanjian ini juga menuntut rundingan akhir disempurnakan pada Mei 1999.

Perjanjian Oslo II

Perjanjian Oslo II berlangsung pada 28 September 1995 dan ia merangkumi sebahagian besar proses lanjutan untuk pelaksanaan rundingan damai dalam perjanjian Oslo I. Seperti Perjanjian Oslo I, Amerika Syarikat memainkan peranan sebagai penyelenggara perjanjian Oslo II.

Perjanjian ini lebih luas dan rumit berbanding dengan Oslo I kerana ia lebih bersifat terbuka dan lebih teliti perinciannya dalam isu pembahagian kawasan antara Israel-Palestin. Di antara peruntukan-peruntukan utama yang dijadualkan dalam perjanjian tersebut adalah untuk membentuk dan memberi tugas semula kepada pasukan tentera Israel di luar kawasan Semenanjung Gaza dan Jericho.

Perjanjian Oslo II juga menegaskan bahawa PNA tidak bertanggungjawab ke atas hubungan asing dan pihak Israel yang berada di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza walaupun di bawah kuasa PNA. Di samping itu Israel mengarahkan sebanyak dua kali bahawa PNA harus membentuk polis yang kuat untuk bertanggungjawab ke atas keselamatan dan ketenteraman awam, yang mana pihak Israel dikecualikan daripada bidang kuasa tersebut. Israel juga menuntut kepada wakil Palestin supaya memberi jaminan terhadap keselamatan Israel daripada keganasan yang dilakukan oleh Hamas, parti memperjuangkan jihad Islam dan beberapa lagi siri kebangkitan Islam (intifadah).

Selain itu Oslo II juga menyatakan supaya Israel dan PNA berkerjasama dalam memerangi kegiatan jenayah di kawasan Semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Perjanjian tersebut membahagikan Tebing Barat dan Gaza kepada tiga wilayah, kawasan A, B, dan C untuk memperincikan bidang tugas dan kuasa kedua belah pihak.

Kawasan A: diletakkan di bawah kuasa penuh pihak berkuasa Palestin. semua kawasan yang dulunya di kendalikan tentera Israel bertukar peralihan kuasa kepada PNA, termasuk wilayah Semenanjung Gaza dan Jericho, termasuk juga tujuh kawasan penempatan pusat terbesar penduduk Palestin di Tebing Barat seperti Nablus, Kalkilya, Tulkarem, Ramallah, Bethlehem, Jenin dan Hebron. Justeru PNA, mempunyai

⁴⁰Sean F. Mchahon (2005), *op.cit.*, h. 37.

⁴¹David Makovsky (1995), *Peres Talk Next Week, Jerusalem Post*. 28 Ogos 1995.

⁴² Sean F. Mchahon (2005), *op.cit.*, h. 38.

tanggungjawab penuh untuk keselamatan dalaman dan ketenteraman awam pada wilayah tersebut, serta bertanggungjawab penuh untuk urusan awam. Walaubagaimanapun, kawasan A sebenarnya hanya meliputi sekitar 3% dari Tebing Barat.⁴³ Manakala bagi kawasan Hebron sahaja, ia mempunyai rundingan khusus yang akan disimpulkan dalam “*Protocol Concerning The Redeployment in Hebron*” pada 17 Januari 1997.

Kawasan B: Palestin memegang kuasa awam dan Israel memegang kuasa tentera. Meliputi 450 bandar dan desa-desa Palestin di Tebing Barat. Wilayah ini berbeza dengan kawasan A. Autoriti kuasa Palestin hanya berlegar dalam lingkungan awam sahaja, manakala kuasa tentera Israel meliputi pertahanan keselamatan utama untuk melindungi warga negaranya dan untuk memerangi keganasan.⁴⁴

Kawasan C: Israel mempunyai kuasa penuh dan bertanggungjawab ke atas keselamatan di kawasan ini, termasuk penempatan, jalan, pengkalan tentera dan beberapa kampung Palestin. Hakikatnya Kawasan C merupakan kawasan yang kurang berpenghuni di Tebing Barat.

Secara prinsipnya, berdasarkan keseluruhan perjanjian ini Israel terus mengendalikan isu air, isu-isu pemilikan ditangguhkan lagi kepada rundingan status akhir. Tentera Israel disahkan sebagai penguasa utama di seluruh wilayah. Perkara tersebut boleh di lihat dalam Artikel 1 (5) berkaitan peralihan kuasa, antara lain menyebut:

*After the inauguration of the Council, the civil administration in the West Bank will be dissolved, and the Israel military government shall be withdrawn, the withdrawal of the military government shall not prevent it from exercising the power and responsibilities not transferred to the council.*⁴⁵

Namun begitu rundingan khusus dijalankan ke atas kawasan Hebron, kerana ia mempunyai masalah dalam membahagikan wilayah yang dicipta oleh Israel. Dalam *The Protocol Concerning The Redeployment in Hebron Record* juga menyatakan akan menetapkan pelaksanaan segala peruntukan yang masih bersisa dalam perjanjian Oslo II melalui tiga tahap yang berakhir selewat-lewatnya akhir 1998, yang telah ditandatangani pada 15 Januari 1997.

Oleh itu Protokol Hebron dianggap sebagai kemuncak bagi inisiatif kepada usaha damai yang di selenggara oleh Amerika Syarikat untuk menyelamatkan perjanjian damai Oslo atau lebih umum proses damai di Timur Tengah yang hampir tidak menemui penyelesaian. Hal ini berlaku berikutan pembunuhan Perdana Menteri Yitzhak Rabin pada akhir tahun 1995. Ia ditambah teruk terutama selepas pilihan raya pada Mei 1996, di mana telah berlaku pemberontakan oleh kumpulan anti-Oslo terhadap kerajaan Israel. Kumpulan melakukan protes melalui intifadah pada akhir September 1996. Secara tidak langsung, tindakan ini membawa proses damai Oslo kepada ambang kehancuran. Walaupun demikian, rundingan tetap dijalankan bagi memastikan agenda Israel berhasil.

Rundingan terakhir bagi siri proses damai Oslo ini bertujuan membahagikan semula kuasa Israel di kawasan yang padat dengan penduduk Palestin. Hal tersebut disebabkan, terdapat 400 penempatan Israel di ibu kota Tebing Barat.

⁴³ Hogopian, Elaine C. (1997), Is the Peace Process Aprocess for Peace? A Retrospective Analysis of Oslo. *Arab Studies Quarterly*, vol: 19, isu: 3 P1.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Artikel 1 (5), *The Israeli-Palestinian Interim Agreement on the West Bank and Gaza Strip*: <http://www.mfa.gov.il> (8.4.2011)

Protokol Hebron bukan perjanjian yang baru tetapi ia merupakan sebahagian daripada peruntukan dalam perjanjian sebelum ini yang tidak menyentuh secara terperinci mengenai kemerdekaan dan hak kekuasaan Palestin secara tetap, di samping status akhir kawasan Tebing Barat di mana letaknya Baitul Maqdis. Ia menjelaskan dua perkara yang dianggap “mimpi” yang tiada maknanya, iaitu tentang kemerdekaan Palestin dan masa depan Tebing Barat yang telah dipecahkan kepada beberapa bahagian. Kemudian perjanjian ini juga mengesahkan secara rasmi penempatan Palestin berdasarkan kepada perjanjian sebelum ini dan Israel mengawal 20% daripada kawasan Hebron.

Pada hakikatnya pecahan bagi penempatan tersebut mempunyai unsur “double standard” yang memberi kelebihan kepada tentera Israel. Di samping memperkukuhkan tanggungjawab Israel dalam isu keselamatan dalaman, ia lebih banyak memisahkan bidang kuasa ketenteraan dengan kuasa awam. Oleh itu, disimpulkan bahawa kuasa Palestin sebenarnya hanya berlegar dalam ruang lingkup kuasa awam di daerah Yahudi sahaja, seterusnya Palestin tidak mempunyai kuasa penuh ke atas tanah tersebut.⁴⁶ Selain itu, Palestin tidak boleh mempersoalkan tentang undang-undang dan bidang kuasa yang ditetapkan oleh Israel.

Setelah tertanggungnya segala perlaksanaan dalam perjanjian Oslo sebelum ini, muncul Memorandum Wye River yang ditandatangani pada Oktober 1998 oleh perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu. Memorandum ini bertujuan melengkapkan siri persetujuan sementara antara Israel dan Palestin sebelum rundingan akhir dijalankan. Kompenan utama persetujuan ini termasuklah penugasan semula tentera Israel di Tebing Barat dan komitmen tambahan Palestin kepada keselamatan Israel.

Kemudian rundingan ini disambung dalam satu Perjanjian iaitu Sharm al-Sheikh yang ditandatangani oleh Ehud Barak pada 1999. Ia melibatkan perundingan semua fasal yang terdapat dalam perjanjian Wye River dan mengukuhkan lagi keselamatan. Rundingan ini membahagikan proses penugasan semula kepada peringkat lebih kecil tanpa menyentuh kebanyakan isu lain.

Seterusnya, ia membawa kepada perjanjian Camp David II yang mengakhiri proses damai Oslo yang diadakan tanpa sebarang persediaan, bertujuan menyelesaikan konflik berusia lebih seabad dalam masa beberapa hari. Bayangan kegagalan sudah jelas sejak awal lagi apabila setiap perjanjian atau rundingan yang berlangsung dalam tempoh tujuh tahun tersebut hanya memberi pilihan terhadap Palestin samada menerima cadangan Yahudi secara “terima semua atau tidak terima langsung”. Ini bermakna jika Palestin menolak semua usul Barak, mereka akan kekal dalam keadaan yang Tidak menentu tanpa harapan untuk membangun dan tidak ada lagi penugasan semula sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian Oslo. Kata dua yang diberikan menyebabkan perjanjian Oslo menghadapi masalah yang cukup besar dan menyebabkan kegagalan usaha damai yang dirancang.

Justeru, jika diteliti perjanjian Oslo I dan II secara komperhensif terdapat banyak masalah berkaitan isu-isu yang berbangkit dalam perjanjian tersebut yang tidak dijelaskan dan masih kabur dari segi keputusan akhir. Pembahagian kuasa yang kurang adil dan berlaku ketidasamaan dari segi pembahagian wilayah, sedangkan Israel memperolehi hampir keseluruhan wilayah Palestin manakala pihak Palestin hanya memperolehi dua kawasan iaitu Semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Bahkan kawasan Tebing Barat yang diperolehi Palestin adalah kawasan yang sempit, namun tidak dapat berkuasa penuh di wilayah sendiri dan masih berada di bawah kawalan tentera Israel. Jelas sekali, menunjukkan penduduk Palestin

⁴⁶ *Ibid.*, h. 17-18.

tidak mampu hidup dalam kebebasan dan kedaulatan di wilayah Palestin. Di sini dapat dibuktikan tujuan Israel bukan ingin menjaga keamanan dan menyekat keganasan tetapi menguasai seluruh bumi Palestin dengan mengemukakan sebuah perjanjian palsu.

Pelbagai Perspektif: Proses Damai yang Berjaya, Penyerahan atau Satu Bentuk Penaklukan.

Setelah tamatnya rundingan damai Oslo, perjanjian itu pula berakhir dengan Camp David II seperti rentetan peristiwa perjanjian yang diketahui sebelum ini. Perjanjian Oslo telah menimbulkan pelbagai perspektif dan menjadi perbincangan oleh beberapa pihak. Media masa, ahli akademik, para aktivis, tokoh politik, antara kumpulan yang melihat perkara tersebut sebagai satu bentuk sejarah penting dalam konflik di Timur Tengah.

Ironinya menimbulkan percanggahan pendapat dari pelbagai perspektif mengikut kecenderungan serta sokongan kepada pihak tertentu. Merujuk kepada beberapa literatur, penulis mendapati terdapat tiga perspektif utama. Pertama, perjanjian Oslo merupakan proses damai yang berjaya, kedua, satu bentuk penyerahan dan ketiga adalah proses damai yang membawa maksud satu bentuk penaklukan.

Bil	Pandangan	Kenyataan	Wakil
1	Proses Damai yang Berjaya	<i>“The mother of all breakthrough”</i>	Avi Shlaim
2	Penyerahan	<i>The Israeli government is not signing peace treaty. Its is signing a document of capitulation</i>	Moshe Sharmir
3	Penaklukan	<i>“The DOPOISGA consolidated Israeli occupation”</i>	Edward W Said

Jadual 1: menunjukkan kenyataan yang mempunyai tiga perspektif berbeza terhadap perjanjian Oslo.

Penulisan akademik yang ditulis oleh Avi Shlaim melihat perjanjian Oslo ini sebagai *“the mother of all breakthrough”*⁴⁷ dan *“one of the most momentous event in the twentieth-century”*.⁴⁸ Menurut pandangan Shlaim, Perjanjian Oslo sebagai satu bentuk kejayaan dalam sejarah. Beliau juga pernah menyatakan bahawa generasi akan datang akan melihat kembali peristiwa yang berlaku pada 13 September 1993 sebagai satu peristiwa sejarah untuk Proses Damai di Timur Tengah pada abad ke 20 ini.⁴⁹

Shlaim secara konsisten menjelaskan dalam artikelnya berjudul *“The Oslo Accord”* bahawa dua fasa pelaksanaan perjanjian Oslo tersebut mendapat jolokan *“bersejarah”*.⁵⁰ Antara alasan Shlaim adalah kerana berlakunya perdamaian antara Yahudi dan Palestin dimana sebelum ini mereka saling menafikan hak masing-masing dan menolak sebarang bentuk perdamaian yang direncanakan. Tambahan lagi, dia menegaskan bahawa deklarasi ini merupakan *“bersejarah”* atas dasar kompromi yang diberikan oleh pihak Palestin dan Israel dalam menerima pembahagian Palestin.

Antara lain Shlaim berpendapat bahawa perjanjian Oslo ini perlu difahami sebagai sebuah kejayaan yang bersejarah apabila ia memberi implikasi menyeluruh dalam konflik Arab-Israel. Kesannya berlaku

⁴⁷ Avi Shlaim (1994), *op. cit.*, h. 24.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Avi Shlaim (2000), *The Iron Wall: Israel and The Arab world* 1st ed. New York: W.W. Norton, h. 517.

⁵⁰ Avi Shlaim (1994), *op.cit.*, h. 25.

perubahan yang radikal dalam bentuk peranan dan permainan politik diseluruh Timur Tengah. Ini kerana PLO mengiktiraf dan mengesahkan kewujudan negara Israel. Persetujuan ini dianggap sebagai satu cara memulihkan hubungan antara seluruh dunia Arab dan Israel.

Kenyataan yang diberikan oleh Shlaim kelihatan seperti terlalu berlebihan. Namun begitu ia tetap disokong oleh para pendokong golongan Zionis lain. Antaranya seperti Peres yang menyatakan bahawa; “*A watershed in the history of the Middle East*”,⁵¹ Savir pula mengatakan “*The DOPOISGA was without precedent*”⁵² dan Ashrawi “*The DOPOISGA signaled to the whole world a new beginning*”.⁵³

Sungguhpun begitu, lain dengan perspektif yang cuba dibawa oleh seorang penulis Israel iaitu Moshe Sharmir yang memaklumkan bahawa perjanjian ini sebagai “*false peace*”, “*a document of capitulation*” dan “*black paper*” yang semuanya termasuk dalam muslihat dan tipudaya pihak Israel.⁵⁴ Shamir mengkategorikan bahawa kerajaan Israel menjadi sah hari ini disebabkan persetujuan Palestin menandatangani sebaris ayat yang membawa kepada kematian dan kemusnahan. Tambahan lagi dia menegaskan dalam kenyataannya bahawa “*The Israeli government is not signing peace treaty. It is signing a document of capitulation*”.⁵⁵ Shamir menganggap DOP bukan sebuah perjanjian damai. Walaubagaimanapun, dari sudut yang lain Shamir melihat bahawa perjanjian ini membawa kepada satu perubahan penting antara hubungan Palestin-Israel. Perubahan tersebut menunjukkan kerajaan Israel menyerah kepada Arab Muslim tidak kira apa jua agenda mereka mempersetujui perjanjian tersebut.

Hakikatnya, pihak Israel mahukan satu bentuk perjanjian bertulis yang menyerahkan Palestin kepada Israel secara tidak langsung, ini adalah atas dasar kepentingan masa hadapan Israel agar Palestin tiada berhak mendakwa tanah itu milik mereka atas bukti dokumen hitam-putih yang disahkan oleh pihak Palestin sendiri. Walaupun begitu, terdapat banyak pendapat yang menyatakan bahawa proses Oslo tersebut sebagai satu usaha yang bahaya yang pernah dikemukakan oleh David Bar-Ilan. Justeru tidak hairan Hazony yang menulis buku *The End of Zionism and The Last Israeli* menyatakan perjanjian Oslo adalah sebagai ideologi yang membawa kepada perpecahan.⁵⁶

Seorang lagi tokoh yang begitu tajam memberi komen yang dominan dalam melihat perjanjian Oslo adalah Edward Said. Edward Said ada menyatakan bahawa pelaksanaan perjanjian Oslo mengukuhkan lagi pendudukan Israel di Palestin. Di samping itu, beliau melaporkan bahawa perjanjian ini sebagai satu bentuk penyerahan tanah Palestin kepada Israel, terutamanya penyerahan itu dilakukan oleh Yasser Arafat sendiri.

Said mengkritik keseluruhan idea yang dikemukakan dalam perjanjian Oslo, termasuk kenyataan beliau yang berbunyi “*consolidated Israeli Occupation*”.⁵⁷ Israel mengukuhkan kedudukannya di wilayah Palestin melalui perlindungan keselamatan ke atas Israel. Jelas, secara tidak langsung keselamatan Israel terjamin secara rasminya melalui persetujuan yang diberi oleh PLO kepada Israel, sekaligus berlakunya penaklukan atau apartheid kepada tanah air Palestin. Di samping itu, Said melihat bahawa sepanjang

⁵¹Shimon Peres & Arye Naor (1993), *The New Middle East*, 1st ed., New York: Henry Holt., h. 1.

⁵²Uri Savir (1998), *The Process: 1100 Days That Changed The Middle East*, New York: Random House., h. 58.

⁵³Hasan Ashrawi (1995), *This Side of Peace: A Personal Account*. New York: Simon & Schuster., h. 11.

⁵⁴Sean F. Mchahon (2005), *op.cit.*, h. 67.

⁵⁵*Ibid.*, h. 68.

⁵⁶*Ibid*

⁵⁷ Edward W Said (1996), *Peace and Its Discontents: Essays On Palestine In The Middle East Peace Process*, New York: Vintage Books., h. 38.

berlangsungnya proses damai dalam tempoh masa panjang merupakan jalan bagi membina sebuah negeri naungan (Palestin) di bawah Israel meliputi kawasan Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.⁵⁸ Menurut Said lagi, keseluruhan proses Oslo yang tertumpu kepada pemindahan kuasa autoriti PNA ke atas kawasan autonomi sebagai tindakan pihak berkuasa Israel dan sekaligus mengubah PLO menjadi sebuah agensi yang bertanggungjawab ke atas Israel dalam apa bentuk kerosakkan dan ancaman keselamatan yang berlaku pada orang awam.⁵⁹ Boleh dikatakan ia adalah sebuah rancangan yang tersusun dan menjimatkan tanpa memerlukan peperangan yang menelan belanja yang banyak. Oleh itu Said menegaskan bahawa perjanjian Oslo adalah satu bentuk penaklukan yang dibuat oleh Israel ke atas Palestin dalam erti kata lain.⁶⁰

Kesimpulan

Menerusi penelitian yang dibuat terhadap dokumen perjanjian Oslo dan beberapa perspektif dari pelbagai pihak, boleh dikatakan bahawa perjanjian Oslo mempunyai agenda yang tersembunyi. Dalam erti kata lain ia bukan sahaja sebuah perjanjian, bahkan ia satu bentuk rundingan yang mempunyai unsur paksaan dalam mengemukakan fasal-fasal bagi setiap dokumen. Selain itu juga perjanjian ini jelas menunjukkan sikap tidak telus yang ditonjolkan oleh Amerika Syarikat dan rakan sekutunya Israel untuk menakluki Palestin yang di anggap kejayaan yang bersejarah sepanjang tujuh tahun proses damai berlangsung.

Ia dapat dibuktikan melalui proses rundingan tersebut, sejak awal lagi Israel sering menunda perlaksanaan perjanjian Oslo, contohnya, berkenaan pengunduran tentera Israel dari Semenanjung Gaza dan Jericho yang dijadualkan pada 13 Disember 1993, hanya dilaksanakan pada 4 Mei 1994. Penyelenggaraan pilihan raya Palestin yang dijadualkan 13 Julai 1994, tertunda hingga 21 Januari 1996. Kemudian dapat juga dilihat pada Perjanjian Hebron yang ditandatangani setelah pilihanraya bulan Mei 1996, tertunda hingga bulan Januari 1997. Rundingan berkaitan status akhir terutamanya berkaitan hak pelarian dan kedudukan Baitul Maqdis yang sepatutnya dimulai pada tahun ketiga perjanjian, masih belum dibincang sehingga berakhirnya proses damai Oslo tersebut.

Perjanjian Oslo tidak seperti yang diharapkan sebagai satu kerangka penyelesaian konflik Palestin-Israel, bahkan menjadi sebagai satu bentuk konflik baru yang panjang. Apa yang nyata ia tidak menjanjikan negara Palestin merdeka pada akhir proses damai kerana Israel mengkhianati perjanjian Oslo dengan meneruskan aktiviti pembinaan penempatan haram di Baitul Maqdis Timur dan Tebing Barat. Perjanjian ini dianggap sebagai retorik untuk mencapai cita-cita Israel. Ini jelas dilihat atas sikap berdolak dalih dengan memberi pelbagai alasan untuk terus berunding bagi mencapai satu kata sepakat mencapai perdamaian. Perkara tersebut tidak mungkin tercapai selagi mana Israel bertindak melanggar semua ketetapan yang telah dipersetujui dalam siri-siri rundingan yang lebih layak disebut sebagai siri tipu-helah Israel. Tambahan lagi, pengiktirafan terhadap Negara Israel adalah satu percaturan yang tidak cermat yang telah dipilih oleh Arafat kerana ia seumpama memberi “lampu hijau” ke atas tindakan Israel pada masa akan datang.

Penghargaan: Penulis ingin merakam ucapan terima kasih kepada mereka yang membantu sehingga artikel ini berjaya disiapkan. Penghargaan juga kepada Universiti Malaya kerana telah memberikan geran penyelidikan UMRG di bawah projek RP025C-15SBS.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 69-70.

⁵⁹ *Ibid*

⁶⁰ Edward W Said (1996), *op.cit.*, h. 177.

Rujukan

Abdul Rahman (2002). “*Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Wilayah: Kajian Tentang Perang Arab-Israel Tahun 1967*”, (Disertasi Sarjana, Univesiti Malalya. Kuala Lumpur).

Aburish, Said K. (1998). *From Defender to Dictator*, New York: Bloomsbury Publishing.

Ashrawi, Hasan (1995). *This Side of Peace: A Personal Account*. New York: Simon & Schuster.

Behrendt, Sven B. (2007). *The Secret Israeli-Palestinian Negotiations in Oslo: The Success and Why the Prosess Ultimately Failed*, New York: Routledge.

Bishara, Marwan (2007). *Palestine/Israel: Keamanan Atau Apartheid: Pendudukan, Keganasan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Pts Publication.

Churchill, R.S. (1967). *The Six Day War*, Boston: Houghto Miflin.

Editor (1994). *The Palestinian-Israel Peace Agreement: A Documentary Record*, Rev. 2nd Ed. Washington, D.C: Institute For Palestine Studies

Flamhaft, Ziva (1996). *Israel on The Road to Peace: Accepting The Unacceptable*. Boulder, Colo: Westview Press.

Hogopian, Elaine C. (1997). Is the Peace Process Aprocess for Peace? A Retrospective Analysis of Oslo. *Arab Studies Quarterly*, Vol: 19, isu: (3): 1-28.

Makovsky, David (1995). “Peres Talk Next Week,” , *Jerusalem Post*, 28 Ogos 1995.

Makovsky, David (1996). *Making Peace with The PLO: The Rabin Government’s Road to The Oslo Accord*, United Stated: The Washington Institute For Near East Policy, Westview Press.Inc.

Mcmahon, Sean F. (2005). *The Discouse of Palestinian-Israeli Relation and The Oslo Process: Persistent Analytic and Practices*, (Ph.D. Thesis: University of Alberta, Canada).

Muhamad Hasrul Zakariah (2005). “*Dasar dan Reaksi British dalam Perang Arab-Israel 1967*”, (Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

Peres, Shimon & Arye Naor (1993). *The New Middle East*, 1st ed., New York: Henry Holt.

Said, Edward W. (1996). *Peace and It’s Discontents: Essays on Palestine in the Middle East Peace Process*, New York: Vintage Books.

Savir, Uri (1998). *The Process: 1100 Days That Changed The Middle East*, New York: Random House.

Shaath, Nabil (1993). The Oslo Agreement: An Interview with Nabil Shaath. *Journal of Palestine Studies*, Vol. 23, No. (1): 5-13.

- Shikaki, Khalil (1998). Peace Now or Hamas Later, *Foreign Affairs*, Vol. 77(4): 29-43., No. 4 (Jul-Aug)
- Shlaim, Avi (1994). The Oslo Accord. *Journal of Palestine Studies*, Vol. 23, No. (3): 22-40.
- Shlaim, Avi (2000). *The Iron Wall: Israel and the Arab World*, 1st ed. New York: W.W. Norton.
- Skronski, Kim F. (2001). “*The Making Peace: The Role of Leaders in the Implementation of Peace Agreement*,” (Disertasi Master: McGill University Montreal).
- United Nations (1990). *The United Nations and The Question of Palestine*, New York: United Nations Department of Information.
- User, Graham (1995). *Palestine in Crisis: The Struggle for Peace and Political Independence After Oslo. Transnational Institute Series*, London: East Haven, Con: Pluto Press.
- Watson, Geoffrey R. (2000). *The Oslo Accord: Internasional Law and The Israeli–Palestinian Peace Agreements*. New York. Oxford University Press.